

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 4**

**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) jumlah perbelanjaan langsung Kerajaan bagi program bantuan bakul makanan (tidak mengambil kira sumbangan daripada GLC dan NGO) bagi tahun 2020 dan 2021; dan
- (b) jumlah isi rumah dan nilai bantuan bakul makanan yang diagihkan di Sabah dan Parlimen Sepanggar, serta mekanisme yang diguna pakai bagi menentukan golongan yang layak menerima bantuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 43**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan program bakul makanan untuk tempoh enam (6) bulan yang akan datang memandangkan ekonomi belum pulih sepenuhnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN  
YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN NO. 45**

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada penduduk semasa menjalani tempoh kuarantin akibat COVID-19, memandangkan mereka tidak boleh keluar dari rumah untuk mendapatkan barangan keperluan dapur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 68**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan aspek-aspek yang sedang diteliti bagi menambah baik serta memperluas manfaat program Bakul Prihatin Negara (BPN) buat golongan miskin yang belum pernah direkodkan sebagai penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada YB Sepanggar, bersekali dengan pertanyaan YB Wangsa Maju dan YB Parit Buntar bertarikh 29 September 2021 serta YB Kalabakan bertarikh 5 Oktober 2021 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada program yang sama.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan program penyampaian bakul makanan. Ia merupakan satu inisiatif prihatin Kerajaan bertujuan untuk memastikan rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19 dibantu bagi memastikan rakyat dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Program ini dilaksanakan melalui pembekalan barang asas keperluan makanan yang diagihkan atau disampaikan oleh JKJ kepada mereka yang memohon melalui pelbagai mekanisme yang memudahkan rakyat seperti talian telefon Bilik Gerakan, Talian KASIH 15999, hadir terus ke pejabat dan media sosial rasmi Kementerian dan agensinya.

Sejumlah RM106.8 juta telah dibelanjakan sepanjang bulan Mac 2020 hingga Julai 2021 yang mana RM34.6 juta menggunakan Tabung COVID-19 manakala RM72.2 juta menggunakan peruntukan Kementerian Kewangan. Nilai bakul bagi agihan Fasa 1 iaitu pada Mac 2020 adalah berjumlah RM50 manakala nilai bakul bagi Fasa 2 dan seterusnya telah dinaikkan kepada RM100 dan sehingga kini telah memberi manfaat kepada 1,121,385 Ketua Isi Rumah (KIR).

Berhubung pertanyaan YB Sepanggar, bagi tempoh Mac 2020 hingga Julai 2021, Negeri Sabah menerima peruntukan berjumlah RM13,534,000 yang memberi manfaat kepada 138,340 KIR dengan pecahan RM7,184,400 pada tahun 2020 dan RM6,349,600 bagi tahun 2021. Bagi Parlimen Sepanggar, telah menerima peruntukan berjumlah

RM126,900 pada tahun 2020 yang memberi manfaat kepada 1,410 KIR. Manakala bagi 2021, Parlimen Sepanggar menerima peruntukan berjumlah RM628,900 dengan penerima manfaat berjumlah 6,289 KIR.

Untuk makluman YB Kalabakan pula, pemberian bakul ini juga tidak hanya kepada golongan miskin di bawah JKM tetapi juga diagihkan kepada rakyat yang terkesan, terjejas dan memerlukan bantuan sepanjang pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada bantuan bakul makanan melalui KPWKM, Kerajaan juga telah meluluskan pelbagai bentuk bantuan bakul makanan. Sebagai contohnya di bawah Pakej PEMULIH, Kerajaan bersetuju memperuntukkan sebanyak RM300 ribu setiap kawasan Parlimen kepada semua Ahli Parlimen untuk melaksanakan Bantuan Bakul Makanan kepada golongan yang terjejas di kawasan masing-masing dengan peruntukan sebanyak RM66.6 juta.

Untuk makluman YB Wangsa Maju, susulan dari kejayaan program bakul makanan ini, Kerajaan memutuskan untuk meneruskan program bakul makanan melalui Program Bakul Prihatin Negara (BPN) yang dilancarkan pada 15 Julai 2021. BPN merupakan satu program secara kerjasama pintar berkonsepkan "*Whole of Society*" antara Kerajaan, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Syarikat Korporat dan Sukarelawan Skwad Prihatin Negara (SPN). Peruntukan untuk BPN adalah sepenuhnya sumbangan syarikat korporat seperti PETRONAS, AEON CO. (M) BHD., Pharmaniaga, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia serta Yayasan Sime Darby.

Sejak BPN dilancarkan, dana yang terkumpul dan diuruskan oleh Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) berjumlah RM21 juta. Manakala sejumlah 466,216 permohonan BPN telah diterima sehingga 20 Ogos 2021 dan proses permohonan telah ditutup bagi tujuan Kementerian menyantuni semua permohonan berkenaan. Sehingga kini 252,792 KIR telah menerima bakul BPN manakala selebihnya dalam

proses untuk disantuni dan dijangka selesai pada penghujung bulan September 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Nor Azrina Binti Surip [ Merbok ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan tujuan pelan tindakan dan perkembangan terkini mengenai Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (e-WEN)**



## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna, Austria yang diadakan pada tahun 1982. Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas. Bagi persediaan ke arah '*ageing population*', cabaran yang perlu dihadapi adalah amat besar dan memerlukan strategi tindakan yang bersistematik.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (e-WEN) adalah usaha Kerajaan ke arah merealisasikan objektif yang digariskan dalam Dasar Warga Emas iaitu membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepadu dan menggalakkan penggunaan hasil penyelidikan sebagai asas dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program warga emas.

Sistem ini bertujuan untuk membangunkan pendaftaran digital dan pemetaan warga emas bagi menghasilkan data bersepadu. Pembangunan sistem ini juga adalah usaha Kerajaan yang merangkumi idea dan pelan untuk:

- i. Mewujudkan pendaftaran warga emas dengan penggunaan sistem secara *online* yang lebih cekap, pantas dan menghasilkan data bersepadu;
- ii. Memudahkan carian dan semakan warga emas mengikut lokaliti seperti negeri, daerah dan bandar;
- iii. Penyaluran maklumat dan perkongsian data berkaitan warga emas antara agensi kerajaan; dan
- iv. Meningkatkan proses padanan kerja, kemahiran dan kesihatan dalam kalangan warga emas.

Pembangunan dan pelaksanaan projek e-WEN mengambil tempoh masa 36 bulan bermula tahun 2021 dijangka selesai akhir tahun 2023. Skop pembangunan e-WEN meliputi:

- Pembangunan Sistem dan Integrasi;
- Perolehan Perkakasan & Perisian ICT;
- Latihan & *Transfer Of Technology*; dan
- Penyelenggaraan Serta Khidmat Sokongan.

Kini fasa pertama sistem telah pun dimulakan dengan proses kelulusan projek, pentauliahan vendor melalui proses tender dan dijangka pada penghujung tahun 2021, antara muka e-WEN akan terbina. Tahun kedua adalah fasa penting di mana perolehan dan pembekalan perkakasan & perisian ICT akan dilaksanakan dan pada waktu yang sama pembangunan, integrasi dan pengujian sistem akan berlaku. Sepanjang tahun 2023, dirancang sesi latihan dan TOT kepada kumpulan pelaksana yang bertanggungjawab dalam pengisian maklumat sistem ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMPUT ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa kali Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur dan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga telah bermesyuarat, jumlah kes dan hasil serta langkah mesyuarat tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur**

Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan) telah digubal untuk tempoh pelaksanaan enam (6) tahun iaitu bermula pada tahun 2020 hingga 2025. Jawatankuasa Pemandu telah bersidang buat pertama kali pada 24 Ogos 2020 dengan penglibatan daripada pelbagai Kementerian dan Agensi, ahli akademik dan NGO. Jawatankuasa ini berperanan untuk memantau pelaksanaan program bagi setiap strategi yang dirancang. Bagi tahun 2021 pula, mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah diadakan pada 3 September 2021. Selain daripada itu, Jawatankuasa Teknikal turut ditubuhkan di peringkat agensi peneraju.

Pada waktu yang sama, pemantauan program juga dilaksanakan melalui maklum balas secara bertulis daripada setiap agensi peneraju yang menerajui pelaksanaan program di bawah Pelan. Berdasarkan maklum balas yang diterima, daripada 58 program yang dirancang, sebanyak 41 program telah bermula, dan 17 lagi program sedang dalam perancangan. Pelaksanaan yang telah bermula dibuat sama ada melalui program sedia ada ataupun menambah baik program sedia ada.

Memandangkan pelaksanaan Pelan telah berada pada tahun kedua, maka Kerajaan akan memastikan supaya pelaksanaan program dan tindakan jangka masa pendek (2020-2021) dicapai sepenuhnya sebelum berakhir tahun 2021. Justeru, satu sesi *pre-council* telah diadakan pada 29 Julai 2021 sebagai platform untuk melaporkan pelaksanaan, isu dan cabaran, serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program.

Daripada keseluruhan 10 program jangka masa pendek yang dilaporkan, sebanyak 7 program telah pun bermula, manakala 3 lagi program sedang dalam perancangan. Isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan

yang telah dibangkitkan diangkat untuk pertimbangan dan persetujuan ahli Jawatankuasa Pemandu.

Tren perkahwinan yang melibatkan bawah umur menunjukkan penurunan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya iaitu tahun 2017 dan 2018. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sejumlah 322 kes telah direkodkan pada tahun 2019 berbanding 1856 kes pada tahun 2018 dan 2107 kes pada tahun 2017. Sebagai tambahan, pada 23 Jun 2021, Kementerian ini telah memohon statistik perkahwinan bawah umur yang telah direkodkan sewaktu tempoh pandemik yang bermula pada 18 Mac 2020 sehingga kini. Namun begitu, data ini sedang diselaras bersama agensi di peringkat negeri dan dijangka akan diterbitkan pada 30 November 2021.

Menyedari bahawa Pelan ini merupakan sebuah dokumen yang dinamik, maka saranan dan pandangan semua pihak amat dialu-alukan supaya pelan strategi ini sentiasa ditambah baik dan relevan untuk menangani punca perkahwinan bawah umur dengan lebih berkesan. Justeru, saya menyeru sokongan dan komitmen berterusan daripada semua pihak termasuk di peringkat akar umbi bagi menjayakan pelaksanaan program dan tindakan di bawah Pelan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga**

Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang telah ditubuhkan pada tahun 2019 merupakan *platform* bagi menyelaraskan perkara dan isu berkaitan keganasan rumah tangga. Jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak dua kali dengan penglibatan daripada agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Namun demikian, beberapa mesyuarat sampingan berkaitan keganasan rumah tangga mengikut isu turut diadakan secara berterusan khususnya semasa pandemik Covid-19 dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi memastikan penyelarasan inisiatif dan tindakan pelaksanaan antara agensi kerajaan dan NGO.

## SOALAN NO. : 14

Bagi pertanyaan bilangan kes keganasan rumah tangga, sebanyak 1,793 panggilan dan aduan berkaitan keganasan rumah tangga diterima menerusi Talian Kasih 15999 manakala 644 kes di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah direkodkan bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2021.

Antara tindakan utama yang telah dan sedang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa ini khususnya semasa pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

- a) membangunkan dan mengedar bahan promosi untuk meningkatkan kesedaran serta pemahaman mengenai isu, hak, perkhidmatan dan tindakan yang boleh diambil berkaitan keganasan rumah tangga. Antaranya ialah infografik berkaitan jenis keganasan, kumpulan yang dilindungi dan perkhidmatan yang disediakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994;
- b) memperluaskan hebahan mengenai bantuan dan perkhidmatan yang boleh diakses serta menggesa orang ramai tampil membuat laporan dengan bantuan pelbagai pihak termasuklah bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan. KWPKM turut memanfaatkan platform sistem pesanan ringkas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mempunyai capaian yang lebih luas untuk menggesa mangsa atau orang awam tampil melaporkan kejadian keganasan rumah tangga;
- c) membantu memastikan permohonan Perintah Perlindungan Kecemasan atau *Emergency Protection Order* (EPO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dapat diakses oleh mangsa untuk menghalang pelaku dari melakukan keganasan terhadap mangsa;
- d) mendapatkan kerjasama Mahkamah Persekutuan bagi membolehkan Perintah Perlindungan Interim - *Interim Protection Order* (IPO) dan Perintah Perlindungan - *Protection Order* (PO) dapat diakses oleh mangsa;

**SOALAN NO. : 14**

- e) mendapatkan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi memudahkan pergerakan mangsa untuk membuat laporan atau aduan;
- f) menguar-uarkan khidmat psiko-sosial yang boleh diakses menerusi Talian Kasih 15999 KPWKM kepada mangsa atau mana-mana individu yang memerlukan; dan
- g) menambah baik prosedur dan garis panduan untuk rujukan agensi kerajaan dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga selaras dengan peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN  
ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perkembangan Bantuan Khas Wanita 2021 yang dilaksanakan khususnya kepada wanita luar bandar.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak mempunyai Bantuan Khas Wanita 2021 khususnya kepada wanita luar bandar. Walau bagaimanapun KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program MyKasih Kapital bagi menyokong pemerikasaan negara khususnya dalam fasa pemulihan akibat pandemik COVID-19. MyKasih Kapital merupakan insentif tambahan kerajaan yang telah diumumkan sempena Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021 sebagai suntikan modal perniagaan berbentuk keusahawanan khusus kepada golongan wanita.

Bantuan ini diberikan secara umum kepada wanita pencari nafkah keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan sepanjang tempoh COVID-19. Pemberian insentif melalui bantuan asas modal perniagaan ini diberikan secara *one-off* iaitu sebanyak RM500 sebagai usaha permulaan kepada mereka untuk menjana semula ekonomi keluarga melalui perniagaan menggunakan *platform* e-dagang/*dropship*.

Peserta yang berkelayakan akan mengikuti kursus asas perniagaan yang dianjurkan melalui kerjasama pelbagai agensi dan syarikat sebelum bantuan disalurkan. Berdasarkan rekod sehingga Ogos 2021 sebanyak 1,424 orang wanita yang berkelayakan telah menerima bantuan ini dengan jumlah peruntukkan yang disalurkan berjumlah RM712,000.

Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga mempunyai pelbagai program untuk membantu wanita dan ibu tunggal semasa pandemik COVID-19. JPW mula mengguna pakai Model Pemerikasaan Wanita (Model 4K – Kewangan, Kemahiran, Keseimbangan, Kesaksamaan dan Kepimpinan Kendiri) sebagai panduan dalam melaksanakan program di seluruh negara. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2021, sebanyak 1,036 program yang melibatkan 570,677 peserta telah berjaya dilaksanakan. Antara beberapa program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

## SOALAN NO. : 17

- (i) Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) - JPW telah melaksanakan program penjanaaan pendapatan wanita melalui keusahawanan dan telah mengumpulkan seramai 5,634 permohonan menerusi program seperti berikut :
  - a) Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita;
  - b) Program Successful Women Entrepreneurship Engagement Talent (SWEET); dan
  - c) Program INSKEN Bumiputera Business Coaching (IBBC);
- (ii) Kolaborasi Strategik JPW bersama TalentCorp - menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita melalui Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita;
- (iii) Program Literasi Kewangan yang banyak dijalankan secara bersama dengan AKPK memberi manfaat kepada 43,283 wanita;
- (iv) Program Kemahiran - Sebanyak 447 program berbentuk kemahiran telah dilaksanakan bagi tempoh Januari hingga Julai 2021. Seramai 227,528 wanita telah menerima manfaat khususnya membantu wanita meningkatkan keupayaan sendiri dalam menguruskan kehidupan seharian termasuk kemahiran dalam bidang literasi digital dan *first aid*;
- (v) Program Pemerksaan Ibu Waja dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Wilayah Persekutuan dalam memberi pengetahuan dan meningkatkan keyakinan ibu tunggal untuk menuntut hak di mahkamah tanpa perlu mendapat khidmat peguam untuk mewakili diri mereka. Sebanyak 6 program yang melibatkan 57 orang peserta telah dijalankan dengan jayanya;
- (vi) Program Keseimbangan iaitu Skuad Waja, Masjid Sebagai Pusat Perlindungan Sementara Bagi Mangsa Keganasan Rumahtangga, Legal Clinic dan Advokasi Gangguan Seksual.

## SOALAN NO. : 17

Mulai Januari hingga Julai 2021, sebanyak 265 program keseimbangan melibatkan 189,456 peserta telah dilaksanakan.

Melalui bantuan ekonomi di bawah inisiatif PENJANA yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020, sebanyak RM45 juta telah disalurkan kepada Kementerian melalui Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) iaitu pemberian tunai sebanyak RM300 seorang secara *one-off* kepada seramai 142,190 ibu tunggal yang berkelayakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH  
WAN ISMAIL [ PANDAN ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini penggubalan Rang Undang-Undang Gangguan Seksual dan bilakah tarikh ia akan dibentangkan di Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) telah digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas dengan penyertaan pelbagai pihak daripada wakil-wakil kementerian dan agensi yang berkaitan, badan-badan bukan kerajaan serta ahli-ahli akademik. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan atas komitmen dan dedikasi semua pihak yang membantu menyediakan draf RUU AGS ini.

Beberapa sesi libat urus juga telah dan sedang dilaksanakan dengan pihak-pihak yang akan terkesan dengan pelaksanaannya. Draf ini telah melalui beberapa proses perbincangan dan rundingan dengan Jabatan Peguam Negara (AGC). Proses penggubalan rang undang-undang memerlukan semakan silang bersama banyak pihak bagi memastikan segala elemen yang dimasukkan adalah menyeluruh dan boleh diterima di setiap peringkat di dalam semua sektor di Malaysia bagi melengkapi akta dan peraturan lain berkaitan gangguan seksual yang dinyatakan sebentar tadi.

Sehubungan dengan itu, proses ketekunan wajar, dengan izin, *due diligence* perlu dilaksanakan dengan teliti dan sememangnya memakan masa. Oleh itu, RUU Anti-Gangguan Seksual ini tidak boleh diluluskan semata-mata untuk memenuhi gesaan mana-mana pihak. Proses semakan, penambahbaikan dan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan sedang giat dilaksanakan untuk memurnikan lagi RUU ini sebelum ia dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri seterusnya di Dewan Parlimen yang mulia ini.

Sementara menunggu RUU ini dibentangkan, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui pelbagai Akta dan peraturan lain seperti:

- i. Kanun Keseksaan [Akta 574];
- ii. Akta Kerja 1995 [Akta 265];

- iii. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993];
- iv. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999; dan
- v. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi kes dalam sektor swasta, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) menguatkuasakan Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] dengan mensyaratkan majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual di tempat kerja yang dilaporkan oleh pekerja.

Bagi kes dalam sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja untuk kegunaan Pegawai Psikologi atau Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja.

Bagi kes gangguan seksual terhadap kanak-kanak pula, ia turut ditangani secara khusus melalui Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*].

Pada masa yang sama, Kementerian terutamanya melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual supaya dapat mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program telah dilaksanakan oleh JPW bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai perkara ini dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Puan Maria Chin Binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah (selain daripada memberi dana/ wang tunai) untuk membantu wanita dan kanak kanak untuk :

- a) mengelakkan peningkatan mendadak isu keganasan domestik dan gangguan seksual atas talian sejak bermulanya *lockdown* dan mengelakkan kehilangan pekerjaan dan sumber kewangan terjejas serta peningkatan beban kerja tidak bergaji seperti menjaga ahli keluarga akibat *lockdown*; dan
- b) apakah tindakan konkrit, selain daripada undang-undang, yang telah/akan diambil untuk memberi sokongan terhadap mangsa gangguan seksual serta pelan/agenda nasional untuk memastikan kes gangguan seksual tidak berulang di masa hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius peningkatan panggilan dan aduan berkaitan keganasan rumah tangga serta beberapa pelaporan media massa mengenai kejadian gangguan seksual atas talian. Bagi menangani isu ini, KPWKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut :

- a) memperbanyakkan program advokasi berkaitan keganasan rumah tangga dan gangguan seksual;
- b) memperluaskan promosi perkhidmatan Talian Kasih 15999;
- c) menggubal Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual;
- d) menawarkan program pembangunan kapasiti untuk meningkatkan kemahiran bagi menjana pendapatan;
- e) menubuhkan Skwad Wanita Anti Jenayah (WAJA) bagi memperkasa komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti khususnya wanita; dan
- f) memastikan perkhidmatan perlindungan seperti Tempat Selamat serta Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) dapat diakses oleh mangsa.

KPWKM telah menggandakan program advokasi dan hebahan berkaitan keganasan rumah tangga dengan kerjasama badan bukan kerajaan termasuk Sistem Pesanan Ringkas Majlis Keselamatan Negara (MKN) agar mangsa keganasan rumah tangga atau orang awam tampil melaporkan kejadian yang berlaku. Tambahan itu, KPWKM turut sentiasa memastikan perkhidmatan perlindungan seperti Tempat Selamat serta Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) dapat diakses oleh mangsa keganasan rumah tangga bagi menjarakkan mangsa daripada pelaku untuk mengelakkan kejadian tersebut terus berlaku.



Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan program-program untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual supaya dapat mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual dan lain-lain bentuk. Dengan norma baharu yang rata-ratanya melibatkan urusan secara dalam talian akan turut mendedahkan pelbagai pihak dengan risiko gangguan seksual secara maya. Pada tahun ini, sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program telah dilaksanakan oleh JPW bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai perkara ini dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negara.

Merujuk kepada perlakuan gangguan seksual, KPWKM turut menekankan aspek dengan izin Tuan Yang di-Pertua "*structural reform*" iaitu melalui proses pengukuhan dan penambahbaikan polisi dan perundangan sedia ada melalui penggubalan suatu akta khusus mengenainya iaitu Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual. Perkara ini turut telah dijadikan sebagai salah satu program bagi Teras Memperkasa Wanita di bawah Pelan Strategik Kementerian bagi tahun 2021-2025.

Bagi membantu wanita yang terjejas pendapatan, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita turut bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk menawarkan program-program kemahiran khususnya dalam bidang keusahawanan serta menjadi penghubung kepada pelbagai industri melalui karnival kerjaya yang pada masa ini telah melibatkan 5,885 peluang pekerjaan. Selain itu, wanita daripada kategori B40 dan Ibu Tunggal juga berpeluang untuk menjana pendapatan dan menceburi bidang asuhan dan jagaan kerana Institut Sosial Malaysia turut menawarkan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA secara percuma. Pada tahun 2020, seramai 180 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut manakala 90 orang disasarkan bagi tahun 2021.

## SOALAN NO. : 44

Sering kali mangsa keganasan rumah tangga dan gangguan seksual tidak mempunyai keberanian untuk membuat laporan ataupun tidak pasti apakah tindakan terbaik yang perlu diambil mereka. Sehubungan itu, KPWKM telah melipatgandakan usaha mempromosikan perkhidmatan “Talian Kasih 15999”, talian bebas tol yang beroperasi 24 jam sehari dan aplikasi WhatsApp 019-26 15999 bagi membantu khususnya wanita dan kanak-kanak mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan seperti perkhidmatan psiko-sosial.

Penubuhan Skwad Waja memainkan peranan dalam memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Skwad Waja ini juga akan membantu mereka yang menjadi mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional. Program ini dilihat dapat membantu komuniti dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dan menangani isu-isu jenayah selain menjadikan komuniti lebih berdaya saing serta mampu menjana pendapatan dengan kemahiran yang akan diberikan oleh Skwad Waja dalam komuniti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG  
[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan prosedur JKM dalam memantau keadaan kanak-kanak atau remaja OKU dalam penjagaan rumah kebajikan. Nyatakan berapa tenaga kerja yang terlibat dalam membuat lawatan berkala ke rumah-rumah kebajikan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa melakukan pemeriksaan pemantauan ke atas Pusat Jagaan yang berdaftar sekurang-kurangnya sekali bagi setiap 6 bulan. Ini bagi memastikan semua pusat jagaan ini sentiasa mematuhi standard minimum yang telah ditetapkan sebagaimana dinyatakan di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Mulai Januari hingga Julai 2021, sebanyak 868 kali pemeriksaan telah dilakukan ke atas pusat jagaan berdaftar.

Seramai 1,313 orang Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik sebagaimana peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 terlibat dalam membuat pemeriksaan berkala ke atas pusat jagaan berdaftar. Pegawai Diberi Kuasa ini adalah pegawai yang telah diberikan latihan dan kepakaran bagi melakukan pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pusat jagaan.

Selain daripada itu, JKJ telah melaksanakan Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (mySACC) bagi mengawal kualiti dan standard minimum sesebuah pusat jagaan. Sistem ini bertujuan membolehkan pengendali Pusat Jagaan membuat penilaian sendiri terhadap pengurusan dan pengoperasian Pusat Jagaan mengikut suatu tempoh yang ditetapkan iaitu sekurang-kurang dua (2) kali setahun. Sehingga kini, seramai 1,401 pengendali pusat jagaan telah melaksanakan penilaian sendiri melalui sistem mySACC ini.

JKJ menjalinkan kerjasama bersepadu bersama agensi teknikal seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Kesihatan dalam memastikan pengoperasian Pusat Jagaan menepati semua syarat yang telah ditetapkan. Mesyuarat inter agensi di peringkat Negeri dan Daerah turut diadakan dua kali setahun bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan pendaftaran dan penguatkuasaan ke atas Pusat Jagaan.

## SOALAN NO. : 63

Bagi memastikan penghuni terutama kanak-kanak termasuk remaja OKU yang ditempatkan di pusat jagaan mendapat hak dan kebajikan yang sewajarnya pemeriksaan yang dijalankan akan melihat kepada pelbagai aspek sebagaimana dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Antara aspek utama yang terkandung dalam peraturan ini adalah:

- i. rekod kesihatan setiap penghuni hendaklah direkodkan;
- ii. program aktiviti harian meliputi kemudahan latihan, aktiviti agama dan rekreasi, kemudahan rawatan dan terapi; dan
- iii. penyediaan makanan dan minuman yang disediakan hendaklah sempurna, bersih dan mencukupi.

Mana-mana pengendali pusat jagaan yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh (10) ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.